



# KELEBIHAN BULAN RAMADAN

SHAYKH 'ABD AL-'AZIZ BIN 'ABDULLAH BIN BAZ

كنز الفوائد  
KUNUZ  
AL-FAWA'ID

# KELEBIHAN BULAN RAMADAN

**Cetakan Pertama:**

Ramadan 1442H

April 2021M

**Terbitan:**

Kunūz al-Fawā'id

**Karya:**

Shaykh 'Abd al-'Aziz bin 'Abdullah bin Bāz

**Terjemahan:**

Ahmad Zakwan al-Sābi'ī

**Suntingan:**

Nasrullah al-Ruwanjī

**Muka Depan:**

Marwan Danlami al-Murrakushī

**Semakan:**

Us. Asyttar Nabil al-Sha'lamī

Us. Syazani al-Jitrawī

Tiada sebarang hak cipta. Dibenarkan untuk mencetak semula, membuat salinan simpanan peribadi mahupun awam atau menyebarkan risalah ini bagi tujuan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Semoga usaha ini diterima oleh Allah ﷻ serta menjadi amal jariah buat penulis, ahli penggerak tim Kunūz al-Fawā'id dan semua pihak yang terlibat merealisasikan projek ini. *Āmīn* Ya Rabb.

**Terbitan:**

Kunūz al-Fawā'id,  
Bandar Nasr, Kaherah.

Tel: +20 11-21190406

[kunuzfawaid@gmail.com](mailto:kunuzfawaid@gmail.com)



# KELERBIHAN BULAN RAMADAN

SHAYKH 'ABD AL-'AZIZ BIN 'ABDULLAH BIN BAZ

كوز الفوائد  
KUNUZ  
AL-FAWA'ID



—Hadiah Buat Seluruh Kaum Muslimin—

*“Daripada ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abdullah bin Bāz, kepada setiap orang Islam yang membaca karangan ini, semoga Allah ﷻ memberikan tawfik kepada saya dan mereka semua untuk merebut peluang melakukan amal kebaikan, dan menjadikan saya dan mereka dalam kalangan orang-orang yang bersegera melakukan amalan soleh. **Āmīn.**”*





*Ammā ba‘d,*

Wahai kaum muslimin, sesungguhnya kalian semua sedang berada pada bulan yang agung lagi diberkati, iaitu bulan Ramadan, bulan ibadah puasa, bangun malam dan membaca al-Qur’an, bulan pembebasan dari neraka, bulan pengampunan, bulan bersedekah dan berbuat kebaikan, bulan yang dibuka pintu-pintu syurga, dilipat gandakan kebaikan, diampunkan pelbagai kesalahan, bulan yang dikabulkan doa, ditingkatkan darjat dan dihapuskan dosa-dosa. Bulan yang Allah ﷻ berikan pelbagai jenis kemuliaan buat hamba-hamba-Nya dan melimpahkan kurniaan-Nya buat para wali-wali-Nya. Bulan yang Allah ﷻ telah jadikan ibadah puasanya sebagai salah satu rukun Islam. al-Mustafa ﷺ telah berpuasa pada bulan ini dan menyeru umatnya agar turut berpuasa.

**Bulan yang Rasulullah ﷺ telah khabarkan bahawa barang siapa yang berpuasa padanya dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah ﷻ, nescaya Allah ﷻ akan mengampunkan dosanya yang telah lalu.** Juga barang siapa yang menghidupkan malam bulan tersebut dengan solat dalam keadaan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah ﷻ, nescaya Allah ﷻ akan ampunkan dosa-dosanya yang telah lalu. Bulan yang terdapat padanya satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan, sesiapa yang diharamkan daripada mendapat kebaikan malam tersebut, maka dia terhalang daripada memperoleh kelebihan. Maka agungkanlah bulan ini – *Moga Allah ﷻ merahmati kalian* – dengan menanam niat yang baik, bersungguh-sungguh dalam memelihara kualiti ibadah puasa dan qiyamnya, berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan, bersegera untuk bertaubat dengan sebenar-benar taubat daripada segala dosa dan kesalahan, bersungguh-sungguh dalam saling menasihati di antara kalian dan saling membantu dalam melakukan kebaikan dan ketakwaan, juga saling berpesan antara satu sama lain untuk mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, menyeru mereka kepada segala jenis kebaikan; agar kalian meraih kemuliaan dan ganjaran yang besar.

**Puasa itu memiliki banyak faedah dan hikmah yang agung,** antaranya adalah menyucikan jiwa, mendidik dan membersihkannya daripada segala perilaku buruk dan tercela seperti angkuh, sombong dan kedekut, lalu menyemaikan akhlak yang mulia seperti sabar, lemah lembut, murah hati, mulia dan pengorbanan jiwa pada perkara yang diredai dan mendekatkan diri kepada Allah ﷻ.

**Antara faedah puasa yang lain:** Ia memperkenalkan hamba akan realiti dirinya sendiri, hajatnya, kelemahan dan kebergantungannya kepada Tuhan ﷻ. Ia juga mengingatkan hamba Allah ﷻ bahawa betapa besarnya nikmat yang Allah ﷻ telah kurniakan kepadanya. Ia juga memperingatkan tentang hajat saudara-saudaranya se-Islam yang fakir. Maka menjadi suatu kewajiban buat dirinya untuk bersyukur kepada Allah ﷻ, menggunakan kenikmatan-Nya dalam melakukan ketaatan kepada-Nya, bersimpati terhadap saudara-saudaranya yang fakir serta berbuat baik terhadap mereka.

Allah ﷻ telah jelaskan faedah-faedah tersebut dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, kalian diwajibkan untuk berpuasa sebagaimana yang telah diwajibkan buat orang-orang terdahulu sebelum kalian, agar kalian bertakwa.” [QS al-Baqarah: ayat 183]

Pada ayat ini, **Allah ﷻ menjelaskan bahawa Dia mewajibkan puasa kepada kita semua agar kita menjadi orang yang bertakwa kepada-Nya.** Maka ini menunjukkan bahawa puasa adalah salah satu wasilah untuk meraih ketakwaan. Maka takwa itu adalah mentaati Allah ﷻ dan Rasul-Nya dengan melakukan perkara yang diperintahkan serta meninggalkan perkara yang dilarang; dengan penuh keikhlasan kepada Allah ﷻ, rasa cinta, mengharapkan ganjaran pahala dan rasa takut terhadap ancaman-Nya. Dengan ini, seseorang hamba akan menghindarkan diri daripada azab dan kemurkaan Allah ﷻ.

Justeru, puasa adalah satu cabang besar daripada cabang-cabang ketakwaan, **ia suatu pendekatan diri kepada Allah ﷻ dan merupakan salah satu wasilah yang kuat untuk meraih ketakwaan pada urusan-urusan agama dan dunia yang lain.**

Nabi ﷺ telah menyatakan beberapa faedah puasa dalam sabdaan baginda:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُّ لِلْبَصْرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ  
بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ.

“Wahai sekalian pemuda, sesiapa di antara kalian yang mampu untuk berumah tangga, maka kahwinlah; kerana ia lebih membantu untuk menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan. Bagi sesiapa yang tidak mampu, maka berpuasalah kerana puasa adalah benteng bagi dirinya.”<sup>1</sup>

**Nabi ﷺ menerangkan bahawa puasa adalah perisai bagi orang yang berpuasa dan wasilah untuk menyucikan jiwa dan maruahnyanya.** Ini kerana syaitan menyusur di dalam saluran darah tubuh anak Adam. Maka puasa itu berperanan menyempitkan saluran-saluran tersebut, mengingatkan akan Allah ﷻ serta keagungan-Nya. Lantas, kekuasaan syaitan menjadi lemah, manakala kekuasaan iman pula menjadi kuat. Dengan sebab itu, amalan ketaatan yang dikerjakan oleh orang-orang beriman semakin bertambah dan maksiat-maksiat pula semakin berkurangan.

**Antara faedah puasa juga:** Puasa dapat membersihkan badan daripada bahan-bahan yang kotor dan menghasilkan tubuh yang sihat dan kuat. Perkara ini telah diiktiraf oleh kebanyakan doktor dan mereka telah merawat pelbagai jenis penyakit dengan kaedah berpuasa.

**Allah ﷻ telah mengkhabarkan di dalam al-Qur’ān al-‘Azīz bahawa Dia telah mensyariatkan ibadah puasa buat kita seperti mana ia telah disyariatkan buat kaum-kaum sebelum kita.** Allah ﷻ menjelaskan bahawa puasa yang difardukan buat kita adalah puasa pada bulan Ramadan. Nabi ﷺ juga memberitahu bahawa puasa Ramadan merupakan salah satu daripada lima rukun Islam.

Allah ﷻ berfirman:

---

<sup>1</sup> Riwayat al-Bukhārī dan Muslim



يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كَتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كَتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ...

“Wahai orang-orang yang beriman, Kalian diwajibkan untuk berpuasa sebagaimana diwajibkan buat orang-orang yang terdahulu sebelum kalian, agar kalian bertakwa ﴿183﴾ Puasa yang diwajibkan itu pada beberapa hari yang tertentu...”

Sehingga kepada firman-Nya:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

“Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran yang menjadi petunjuk buat sekalian manusia dan keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau sedang bermusafir maka bolehlah ia berbuka, Kemudian gantilah ia sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kalian perolehi kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kalian menanggung kesukaran, juga supaya kalian cukupkan bilangan puasa sebulan Ramadan, agar kalian mengagungkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kalian bersyukur ﴿185﴾.” [QS: al-Baqarah: 185]

Di dalam *al-Sahīḥayn*, daripada Ibn ‘Umar –*Raḍiyallah ‘anhumā*– berkata, Rasulullah ﷺ bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَىٰ خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَأَقَامِ الصَّلَاةَ وَأَيْتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

“Islam terbina atas lima dasar: Persaksian bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa pada bulan Ramadan.”<sup>2</sup>

**Wahai umat Islam, sesungguhnya puasa merupakan amalan yang soleh dan agung, ganjarannya melimpah lebih-lebih lagi pada puasa Ramadan;** kerana ia adalah puasa yang Allah ﷻ fardukan buat hamba-hambanya dan Allah ﷻ menjadikan puasa Ramadan sebagai salah satu sebab untuk meraih kejayaan di sisi-Nya. Suatu riwayat yang sabit daripada Nabi ﷺ bahawa baginda ﷺ bersabda, Allah ﷻ berkata:

كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ لَهُ الْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا أَلَى سَبْعِمِائَةِ ضِعْفٍ إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزَى بِهِ أَنَّهُ تَرَكَ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ وَشَرَابَهُ مِنْ أَجْلِ لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ: فَرْحَةٌ عِنْدَ فِطْرِهِ وَفَرْحَةٌ عِنْدَ لِقَاءِ رَبِّهِ وَلِخُلُوفِ فَمِّ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ.

“Setiap amalan anak Adam diganjar dengan sepuluh kebaikan semisalnya sehingga mencecah tujuh ratus kali ganda kecuali puasa, sesungguhnya puasa itu untuk-Ku dan Aku-lah yang akan membalasnya. Dia telah meninggalkan syahwatnya, makannya dan minumannya kerana-Ku. Terdapat dua kebahagiaan buat orang yang berpuasa: Kebahagiaan di saat berbuka dan kebahagiaan tatkala bertemu Tuhannya. Sesungguhnya bau mulut orang berpuasa lebih baik di sisi Allah ﷻ berbanding bau haruman kasturi.”<sup>3</sup>

Di dalam riwayat sahih daripada Nabi ﷺ bahawa baginda ﷺ bersabda:

إِذَا دَخَلَ رَمَضَانُ فَتُفْتَحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَعُلِقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ وَسُلْسِلَتِ الشَّيَاطِينُ

“Apabila Ramadan tiba, pintu-pintu syurga akan dibuka, pintu-pintu neraka ditutup dan syaitan-syaitan akan dibelenggu.”<sup>4</sup>

Al-Imām al-Tirmidhī dan Ibn Mājah meriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa baginda ﷺ bersabda:

<sup>2</sup> Direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam al-Ṣaḥīḥayn.

<sup>3</sup> Direkodkan oleh Muslim dalam al-Ṣaḥīḥ.

<sup>4</sup> Direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam al-Ṣaḥīḥayn.

إِذَا كَانَتْ أَوَّلُ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ صُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ وَمَرَدَةُ الْجِنِّ وَفُتِحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ فَلَمْ يُغْلَقْ مِنْهَا بَابٌ وَعُلِّقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ فَلَمْ يُفْتَحْ مِنْهَا بَابٌ وَيُنَادِي مُنَادٍ يَا بَاغِيَ الْخَيْرِ أَقْبِلْ وَيَا بَاغِيَ الشَّرِّ أَقْصِرْ وَلِلَّهِ عِتْقَاءُ مِنَ النَّارِ وَذَلِكَ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ.

“Pada malam pertama di bulan Ramadan, para syaitan dan jin akan dibelenggu, pintu-pintu syurga akan dibuka dan tidak ada satu pun daripadanya yang ditutup, pintu-pintu neraka pula ditutup dan tidak ada satu pun yang dibuka. Lalu ada seorang penyeru menyeru: wahai penagih kebaikan, segeralah berbuat baik! Dan wahai pelaku kejahatan, berhentilah daripada melakukan kejahatan! Sesungguhnya ada manusia yang dibebaskan oleh Allah ﷻ daripada neraka, maka begitulah berlakunya pada setiap malam bulan Ramadan.”<sup>5</sup>

Daripada ‘Ubādah bin al-Ṣāmit –*Raḍiyallah ‘anh*– bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرُ بَرَكَةٍ يَغْشَاكُمْ اللَّهُ فِيهِ فَيَنْزِلُ الرَّحْمَةَ وَيُحِطُّ الْخَطَايَا وَيَسْتَجِيبُ فِيهِ الدُّعَاءَ يَنْظُرُ اللَّهُ إِلَى تَنَافُسِكُمْ فِيهِ وَيُبَاهِي بِكُمْ مَلَائِكَتَهُ فَأَرَوْا اللَّهَ مِنْ أَنْفُسِكُمْ خَيْرًا فَإِنَّ الشَّقِيَّ مَنْ حُرِمَ فِيهِ رَحْمَةُ اللَّهِ

Bulan Ramadan, bulan barakah, ia telah datang kepada kalian. Allah ﷻ meliputi kalian pada bulan tersebut dengan menurunkan rahmat, menghapuskan dosa-dosa, mengabulkan doa. Pada bulan tersebut, Allah ﷻ memperhatikan perlumbaan kalian dalam berbuat amal kebaikan serta berbangga-bangga dengan kalian kepada para malaikat-Nya. Lalu mereka memperlihatkan kebaikan daripada diri kalian kepada Allah. sesungguhnya orang yang malang adalah mereka yang dihalang daripada meraih rahmat Allah pada bulan tersebut.<sup>6</sup>

Daripada Abū Hurayrah –*Raḍiyallah ‘anh*– bahawa Nabi ﷺ bersabda:

<sup>5</sup> Direkodkan oleh al-Tirmidhī dan Ibn Mājah.

<sup>6</sup> Direkodkan oleh al-Ṭabrānī dalam al-Mu‘jam al-Kabīr.

إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى فَرَضَ صِيَامَ رَمَضَانَ عَلَيْكُمْ وَسَنَنْتُ لَكُمْ قِيَامَهُ فَمَنْ صَامَهُ وَقَامَهُ أَيْمَانًا وَاحْتِسَابًا خَرَجَ مِنْ ذُنُوبِهِ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ.

“Sesungguhnya Allah *tabāraka wa ta‘ālā* mensyariatkan puasa Ramadan buat kalian dan aku pula menggalakkan buat kalian untuk mendirikan solat pada malamnya. Barang siapa yang berpuasa dan mendirikan solat malam pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran, dia telah keluar daripada noda dosa-dosanya sepertimana hari ibunya melahirkan dia.”<sup>7</sup>

**Solat malam pada bulan Ramadan tidak mempunyai had yang tertentu;** kerana Nabi ﷺ tidak menentukan waktu solat malam pada bulan Ramadan buat umatnya. Nabi ﷺ hanya menggalakkan umatnya untuk bangun solat malam pada bulan Ramadan tanpa menentukan bilangan rakaat tertentu untuk ditunaikan. Tatkala baginda ﷺ disoal tentang qiyamullail, baginda menjawab:

مَثْنَى مَثْنَى فَأَذَا خَشِيَ أَحَدَكُمْ الصُّبْحَ صَلَّى رَكْعَةً وَاحِدَةً تَوَتَّرَ لَهُ مَا قَدْ صَلَّى.

“Dua rakaat, dua rakaat. Jika kalian khawatir masuknya waktu subuh, maka solatlah satu rakaat sebagai penutup bagi solat yang telah dikerjakan sebelumnya.”<sup>8</sup>

Dalil tersebut menunjukkan tentang keluasan dalam bab ini. **Maka sesiapa yang ingin mendirikan solat sebanyak dua puluh rakaat kemudian witr dengan tiga rakaat, maka ia tidak mengapa.** Sesiapa yang ingin mendirikan solat sebanyak sepuluh rakaat kemudian witr sebanyak tiga rakaat, juga tidak mengapa. Sesiapa yang ingin mendirikan solat sebanyak lapan rakaat dan witr sebanyak tiga rakaat, maka ia juga tidak mengapa. Dan sesiapa yang ingin menambah atau mengurangkan rakaat selain daripada yang telah disebutkan, maka ia juga masih tidak ada masalah.

<sup>7</sup> Direkodkan oleh al-Nasā’ī.

<sup>8</sup> Direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam al-Ṣaḥīḥayn.

Namun yang terbaik adalah persis solat yang sering dilakukan oleh Nabi ﷺ iaitu solat sebanyak lapan rakaat berserta salam selepas setiap dua rakaat dan mengerjakan witr sebanyak tiga rakaat, diiringi dengan khusyuk, *ṭama'nīnah*<sup>9</sup> dan bacaan secara *tartīl*<sup>10</sup>; seperti mana riwayat yang sahih di dalam *al-Ṣaḥīḥayn* daripada 'Ā'ishah –*Raḍiyallah 'anhā*– berkata:

مَا كَانَ يَزِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلَا غَيْرِهِ عَلَى أَحَدٍ عَشْرَةَ رَكْعَةً يُصَلِّيَ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ فَلَا تَسْأَلُ عَنْ حُسْنَيْنٍ وَطَوْلَيْنِ ثُمَّ يُصَلِّيَ أَرْبَعًا فَلَا تَسْأَلُ عَنْ حُسْنَيْنٍ وَطَوْلَيْنِ ثُمَّ يُصَلِّيَ ثَلَاثًا.

“Baginda ﷺ tidak mendirikan solat malam pada bulan Ramadan lebih daripada sebelas rakaat dan tidak juga pada bulan-bulan yang lain. Baginda solat sebanyak empat rakaat, jangan kamu tanya tentang kebagusan dan panjangnya rakaat tersebut, kemudian baginda kembali menyambung solat empat rakaat, janganlah kamu tanya tentang kebagusan dan tempoh panjangnya solat tersebut, kemudian baginda mendirikan solat sebanyak tiga rakaat.”<sup>11</sup>

Juga dalam *al-Ṣaḥīḥayn* daripada 'Ā'ishah –*Raḍiyallah 'anhā*– bahawa Nabi ﷺ mendirikan solat malam sebanyak sepuluh rakaat dan memberi salam pada setiap dua rakaat, kemudian diakhiri dengan witr satu rakaat.

Juga terdapat riwayat sahih daripada Nabi ﷺ di dalam hadis-hadis yang lain bahawa baginda ﷺ bertahajjud pada sesetengah malam dengan bilangan rakaat yang kurang daripada itu. Terdapat juga riwayat yang sabit daripada Nabi ﷺ bahawa pada sesetengah malam, baginda ﷺ mendirikan solat sebanyak tiga belas rakaat dan memberi salam pada setiap dua rakaat.

---

<sup>9</sup> *Ṭama'nīnah* adalah berhenti/diam anggota badan daripada sebarang pergerakan dalam seketika waktu. Ia adalah rukun solat di sisi mazhab al-Shāfi'i sepertimana yang dijelaskan oleh al-Imām al-Nawawī dalam *al-Majmū'* j. 3, h. 410.

<sup>10</sup> *Tartīl* adalah bacaan ayat al-Qur'an dengan penuh pengamatan dan kefahaman tanpa tergesa-gesa.

<sup>11</sup> Direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam *al-Ṣaḥīḥayn*.

**Maka hadis-hadis sahih daripada Rasulullah ﷺ ini mengisyaratkan bahawa isu solat malam adalah perkara yang luas – dengan pujian bagi Allah –, ia tidak mempunyai had rakaat tertentu yang mana bilangan-bilangan selainnya tidak boleh dilakukan. Ini merupakan kemuliaan daripada Allah ﷻ, rahmat-Nya dan kemudahan yang Dia sediakan buat hamba-hamba-Nya sehinggalah setiap muslim dapat melakukan amalan tersebut mengikut kadar yang dia mampu. Perkara ini umum meliputi bulan Ramadan dan selainnya.**

Mestilah diketahui bahawa perkara yang disyariatkan buat muslim dalam solat malam bulan Ramadan dan juga dalam setiap solat yang lain adalah **menghadirkan jiwa di dalam solat, khusyuk padanya, *tama'ninah* ketika qiyam, duduk, rukuk dan sujud, membaca ayat al-Qur'an secara tartil dan tidak tergopoh-gopoh**; kerana jiwa solat itu adalah menghadirkan jiwa kepadanya dengan hati dan khusyuk, serta menunaikannya sepertimana yang disyariatkan oleh Allah ﷻ dengan ikhlas, tulus, mengharap ganjaran Allah ﷻ dan berasa takut terhadap azab-Nya serta menghadirkan jiwa. Sepertimana firman Allah ﷻ:

﴿قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ﴾ ١ ﴿الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ﴾ ٢

“Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman ﴿1﴾ Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya ﴿2﴾.” [QS al-Mu'minūn: ayat 1-2]

Nabi ﷺ bersabda:

وَجُعِلَتْ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ

“Dijadikan penyejuk mata bagiku itu pada solat”<sup>12</sup>

Nabi ﷺ juga pernah mengajarkan kepada seseorang yang melakukan kesalahan dalam menunaikan solat, baginda ﷺ bersabda:

<sup>12</sup> Direkodkan oleh al-Nasā'ī dan Aḥmad.

أَدَا فُئِمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَاسْبِغِ الوُضُوءَ ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ فَكَبِّرْ ثُمَّ اقْرَأْ بِمَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَسْتَوِيَ قَائِمًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ فِي صَلَاتِكَ كُلِّهَا.

“Jika kamu ingin mendirikan solat, maka sempurnakanlah wuduk, kemudian hadaplah kearah kiblat dan bertakbir. Kemudian bacalah ayat al-Qur’an yang mudah bagi kamu. Kemudian tunduklah untuk rukuk sehingga kamu rukuk dalam keadaan tenang. Kemudian bangunlah untuk berdiri sehingga kamu berdiri dengan tegak. Kemudian sujudlah sehingga kamu sujud dalam keadaan tenang. Kemudian bangunlah dari sujud sehingga kamu duduk dalam keadaan tenang. Kemudian kembalilah sujud sehingga kamu sujud dalam keadaan tenang. Kemudian bangunlah dari sujud sehingga kamu duduk dengan tenang. Kemudian ulangilah perbuatan tersebut dalam setiap solat kamu.”<sup>13</sup>

**Ramai manusia yang mendirikan solat pada bulan Ramadan, mereka mendirikan tanpa ada penghayatan dan *tama'ninah*, bahkan dia hanya melompongkan kualiti solatnya.** Sedangkan perbuatan ini tidak boleh dilakukan bahkan diingkari, solat menjadi tidak sah apabila diiringi dengan perbuatan sedemikian; kerana *tama'ninah* adalah rukun di dalam solat yang mesti dilakukan, sepertimana yang telah dijelaskan dalam hadis yang disebutkan tadi. Maka kita wajib menjauhi perkara tersebut.

Di dalam suatu hadis daripada Nabi ﷺ bahawa baginda ﷺ bersabda:

أَسْوَأُ النَّاسِ سَرِقَةَ الدِّيِّ يَسْرِقُ صَلَاتَهُ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ يَسْرِقُهَا قَالَ لَا يُتَمُّ رُكُوعَهَا وَلَا سُجُودَهَا.

“Sesungguhnya orang yang paling teruk dalam mencuri adalah orang yang mencuri solatnya. Sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimana dia mencuri solatnya? Baginda ﷺ membalas: Dia tidak sempurnakan rukuk dan sujudnya.”<sup>14</sup>

<sup>13</sup> Direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam al-Ṣaḥīḥayn.

<sup>14</sup> Direkodkan oleh Aḥmad dan al-Ḥākim.

Juga terdapat riwayat yang sabit daripada Nabi ﷺ bahawa baginda ﷺ memerintahkan orang yang melakukan kesilapan di dalam solatnya agar dia mengulangi semula solat tersebut.

**Wahai sekalian umat Islam, agungkanlah solat dan tunaikanlah ia sepertimana yang disyariatkan oleh Allah ﷻ, ambillah peluang bulan yang mulia ini serta mengagungkannya dengan melakukan pelbagai jenis ibadah dan amal yang mendekatkan diri kepada kepada Allah ﷻ serta bersegeralah dalam melakukan ketaatan. Sesungguhnya ia adalah bulan agung yang mana Allah ﷻ telah menjadikan ia sebagai suatu medan untuk hamba-hamba-Nya berlumba-lumba dan bersaing dalam melakukan ketaatan dan kebaikan kepada-Nya.**

**Maka perbanyakkanlah pada bulan Ramadan –Moga Allah ﷻ merahmati kalian– dengan solat, sedekah, membaca al-Qur’an al-Karim berserta tadabbur dan penghayatan, *tasbīh, taḥmīd, tahlīl, takbīr, istighfar*, dan perbanyakkan selawat dan salam kepada Rasulullah ﷺ, berbuat baik kepada golongan fakir, miskin dan anak-anak yatim. Sesungguhnya Rasulullah ﷺ adalah orang yang paling pemurah dan baginda ﷺ jadi lebih pemurah pada bulan Ramadan. Maka contohilah perbuatan baginda ﷺ –Moga Allah ﷻ merahmati kalian– dalam meningkatkan kemurahan hati dan berbuat baik pada bulan Ramadan. Bantulah saudara-saudara kalian yang fakir untuk berpuasa dan solat malam, serta harapkanlah ganjaran bagi amalan tersebut di sisi Sang Pemilik Yang Maha Mengetahui. Peliharalah puasa kalian daripada dosa dan kesalahan yang diharamkan oleh Allah ﷻ. Riwayat sahih daripada Nabi ﷺ bahawa baginda ﷺ bersabda:**

مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ.

“Barang siapa yang tidak meninggalkan perkataan keji dan perbuatan yang buruk, maka Allah ﷻ tidak menerima amalan puasanya yang meninggalkan makan dan minum itu.”<sup>15</sup>

Baginda ﷺ juga bersabda:

<sup>15</sup> Direkodkan oleh al-Bukhārī dalam al-Ṣaḥīḥ.



الصِّيَامُ جُنَّةٌ إِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ صَائِمًا فَلَا يَرِفْتُ وَلَا يَصْخَبُ فَإِنْ امْرُؤٌ سَابَهُ أَحَدٌ فَلْيَقُلْ أَنِي امْرُؤٌ صَائِمٌ.

“Puasa itu perisai. Jika salah seorang daripada kalian berpuasa, maka janganlah berkata perkataan buruk dan bercakap perkara yang mengundang perselisihan. Jika ada seseorang mencercanya, maka katakanlah: Sesungguhnya aku sedang berpuasa.”<sup>16</sup>

Daripada Abī Hurayrah –*Raḍiyallah ‘anh*–, bahawa baginda ﷺ bersabda:

لَيْسَ الصِّيَامُ مِنَ الْأَكْلِ وَالشَّرْبِ أَمَّا الصِّيَامُ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ

“Puasa itu bukanlah semata berpuasa daripada makan dan minum, puasa itu juga adalah berpuasa daripada perkataan sia-sia dan cacian.”<sup>17</sup>

Ibn Hibbān meriwayatkan dalam kitab sahihnya daripada Abū Sa‘īd –*Raḍiyallah ‘anh*– bahawa beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ وَعَرَفَ حُدُودَهُ وَتَحَفَّظَ مَا يَبْغِي أَنْ يَتَحَفَّظَ كَفَرَ مَا قَبْلَهُ.

“Barang siapa yang berpuasa Ramadan, dia mengetahui batas-batasnya dan memelihara perkara yang perlu dia perlihara, puasanya akan menghapuskan dosa-dosanya yang lalu.”

Jābir bin ‘Abdillah al-Anṣārī –*Raḍiyallah ‘anh*– berkata:

إِذَا صَمْتَ فَلْيَصِمْ سَمْعَكَ وَبَصْرَكَ وَلِسَانَكَ عَنِ الْكُذْبِ وَالْمَحَارِمِ وَدَعِ أَذَى الْجَارِ وَلْيَكُنْ عَلَيْكَ وَقَارٌ وَسَكِينَةٌ وَلَا تَجْعَلْ يَوْمَ صَوْمِكَ وَيَوْمَ فِطْرِكَ سَوَاءً.

“Jika kamu berpuasa, maka puasalah pendengaran, penglihatan dan lisan kamu daripada pendustaan dan perkara-perkara haram, jauhilah daripada

<sup>16</sup> Direkodkan oleh Abū Dāwūd.

<sup>17</sup> Direkodkan oleh al-Ḥākim dan al-Bayhaqī.

menyakiti jiran, jadilah orang bersederhana dan tenang serta janganlah kamu jadikan hari kamu berpuasa dengan hari kamu berbuka sama sahaja.”<sup>18</sup>

**Antara perkara penting yang mesti dijaga dan dipelihara oleh setiap muslim pada bulan Ramadan dan bulan-bulan lain:** solat lima waktu tepat pada masanya; kerana ia adalah tiang agama dan kefarduan terbesar selepas dua kalimah syahadah. Allah ﷻ telah mengagungkan ibadah ini dan banyak menyebutkan tentangnya di dalam kitab-Nya yang mulia:

حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

“Peliharalah segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang *wustā* (Asar), dan berdirilah kerana Allah dalam sembahyang kamu dengan taat dan khusyuk ﴿238﴾” [QS al-Baqarah: ayat 238]

Allah ﷻ berfirman:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

“Dirikanlah solat serta tunaikanlah zakat; dan taatlah kepada Rasul Allah; supaya kamu memperoleh rahmat ﴿56﴾” [QS al-Nūr: ayat 56]

Dan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi makna yang sama seperti ini banyak.

Nabi ﷺ bersabda:

العَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ.

“Perjanjian di antara kami dengan mereka adalah solat, sesiapa yang meninggalkannya, maka dia kafir.”<sup>19</sup>

<sup>18</sup> Direkodkan oleh Ibn Abī Shaybah dalam al-Muṣannaf.

<sup>19</sup> Direkodkan oleh al-Tirmidhī, al-Nasā’ī dan Ibn Mājah.

Diriwayatkan daripada ‘Abdullah bin ‘Amr –*Raḍiyallah ‘anhumā*– bahawa baginda ﷺ bersabda:

مَنْ حَافِظَ عَلَى الصَّلَاةِ كَانَتْ لَهُ نُورًا وَبُرْهَانًا وَنَجَاةً مِنَ النَّارِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهَا لَمْ يَكُنْ لَهُ نُورٌ وَلَا بُرْهَانٌ وَلَا نَجَاةٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ قَارُونَ وَهَامَانَ وَأَبِي بَنٍ خَلْفٍ.

“Barang siapa yang menjaga solatnya, maka solatnya itu menjadi cahaya, pembela dan penyelamat daripada neraka pada hari kiamat. Barang siapa yang tidak memelihara solatnya, maka tidak ada baginya cahaya, pembela dan penyelamat pada hari kiamat. Dia akan bersama dengan Qarun, Haman dan Ubay bin Khalaf pada hari kiamat.”<sup>20</sup>

**Antara kewajipan solat yang paling penting buat seorang lelaki:** menunaikan solat secara berjemaah, sepertimana hadis yang diriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa baginda bersabda:

مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ فَلَمْ يَأْتِهِ فَلَا صَلَاةَ لَهُ إِلَّا مِنْ عُذْرٍ.

“Barang siapa yang mendengar seruan azan, kemudian dia tidak hadir ke masjid untuk menunaikannya, maka tidak dikira solat buatnya kecuali buat mereka yang ada keuzuran.”<sup>21</sup>

Di dalam suatu riwayat:

جاءه ﷺ رجل أعمى: يا رسول الله إني رجل شاسع الدار عن المسجد وليس لي قائد يلائمني فهل لي من رخصة أن أصلي في بيتي فقال له النبي ﷺ: هل تسمع النداء بالصلاة قال: نعم قال: فأجب.

“Seorang lelaki buta bertemu dengan Rasulullah ﷺ dan berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya rumahku jauh dari masjid dan aku tidak mempunyai teman untuk membantuku. Maka adakah aku mempunyai keringanan untuk

<sup>20</sup> Direkodkan oleh Aḥmad dan al-Dārimī.

<sup>21</sup> Direkodkan oleh Ibn Mājah, Ibn Hibbān dan al-Hākim.

solat di rumahku? Lalu Nabi ﷺ bertanya: Adakah kau mendengar seruan azan? Dia menjawab: Ya. Rasulullah ﷺ berkata: Maka sahutlah seruan tersebut!”<sup>22 23</sup>

Abdullah bin Mas‘ūd –*Radiyallahu ‘anh*–:

لقد رأيتنا وما يتخلف عن الصلاة في الجماعة إلا منافق معلوم النفاق أو مريض.

“Aku lihat bahawa tiada seorang pun dalam kalangan kami yang meninggalkan solat berjemaah kecuali orang munafik yang diketahui nifaknya ataupun orang yang sakit.”<sup>24</sup>

**Wahai hamba-hamba Allah, bertakwalah kepada Allah ﷻ di dalam solat kalian, pelihara dan tunaikanlah ia secara jemaah dan saling berwasiatlah tentangnya pada bulan Ramadan dan bulan-bulan yang lain; nescaya kalian akan peroleh keampunan, ganjaran yang berlipat ganda serta selamat daripada kemurkaan Allah ﷻ, seksaan-Nya dan daripada menyerupai musuh-musuh-Nya daripada golongan munafik.**

**Perkara terpenting selepas solat ialah:** zakat. Ia merupakan rukun ketiga daripada rukun-rukun Islam dan ia disebutkan secara berpasangan dengan solat di dalam kitab Allah ﷻ dan sunnah Rasulullah ﷺ. Maka agungkanlah ia sepertimana Allah ﷻ telah mengagungkannya, segerakanlah untuk menunaikannya pada waktu yang diwajibkan dan salurkan ia kepada golongan yang berhak mendapat zakat, secara ikhlas kerana Allah ﷻ, dengan jiwa yang suci dan bersyukur kepada Pemberi Nikmat ﷻ.

Ketahuiilah bahawa zakat adalah penyucian bagi diri kalian dan harta-harta kalian, ia juga merupakan lambang kesyukuran terhadap Dia yang

---

<sup>22</sup> Solat berjemaah di Masjid adalah fardu kifayah, inilah pendapat yang dipegang oleh Imam al-Shāfi‘ī, Imam Mālik bin Anas, Sufyān al-Thawrī. Juga terdapat sebahagian ulama’ yang berpandangan solat fardu secara berjemaah adalah fardu ain. Pendapat ini dipegang oleh Imam Ahmad bin Hanbal, al-Awzā‘ī, ‘Aṭā’ dan lain-lain. Adapun yang pasti, solat berjemaah di masjid jauh lebih baik kerana ia akan diberi ganjaran sehingga dua puluh tujuh kali ganda berbanding solat bersendirian.

<sup>23</sup> Direkodkan oleh Muslim dalam al-Ṣaḥīḥ..

<sup>24</sup> Direkdokan oleh Ibn Mājah.

mengurniakan nikmat harta buat kalian dan sebagai bantuan buat saudara-saudara kalian yang memerlukan. Sepertimana firman Allah ﷻ:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا ﴿١٠٣﴾

“Ambillah sebahagian daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk).” [QS al-Tawbah: ayat 103]

Allah ﷻ berfirman:

اعْمَلُوا آلَ دَاوُودَ شُكْرًا وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ الشَّاكِرِينَ ﴿١٣﴾

“Setelah itu Kami perintahkan: "Beramallah wahai keluarga Daud untuk bersyukur! Dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-hamba-Ku yang bersyukur ﴿13﴾” [QS Saba’: ayat 13]

Nabi ﷺ bersabda kepada Mu‘adh bin Jabal –*Raḍiyallah ‘anh*– tatkala mengutusnyanya ke Yaman:

أَنَّكَ سَتَأْتِي قَوْمًا أَهْلَ كِتَابٍ فَإِذَا جِئْتَهُمْ فَادْعُهُمْ إِلَىٰ أَنْ يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيُنِيَّاهُمْ فَتَرُدُّ عَلَىٰ فُقَرَائِهِمْ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَكَ بِذَلِكَ فَأَيَّاكَ وَكَرَائِمَ أَمْوَالِهِمْ وَأَتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُومِ فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ.

“Sesungguhnya engkau akan bertemu dengan satu kaum ahli kitab. Apabila engkau menjumpai mereka, maka serulah kepada mereka agar mereka menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang layak disembah selain Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah. Apabila mereka mentaati seruanmu itu, maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah ﷻ telah menjadikan kefarduan buat mereka untuk menunaikan solat lima waktu pada setiap siang dan malam. Apabila mereka sudah menuruti seruanmu, maka beritahu lagi kepada mereka bahawa Allah ﷻ menetapkan kefarduan sedekah (zakat) buat mereka,

sebahagian daripada harta orang kaya dalam kalangan mereka akan diambil, lalu diberikan kepada golongan fakir dalam kalangan mereka. Apabila mereka sudah menuruti seruan tersebut, maka hati-hatilah dan jangan ambil harta-harta mereka yang mulia, takutlah terhadap doa orang yang dizalimi, kerana sesungguhnya tidak ada hijab di antara dia dengan Allah.”<sup>25</sup>

**Setiap individu muslim hendaklah perbanyakkan dalam menginfakkan harta dan menghulurkan bantuan bagi orang yang fakir dan suci daripada dosa,** serta membantu mereka untuk mengerjakan ibadah puasa dan solat malam; kerana mencontohi perbuatan Rasulullah ﷺ, mengharapkan keredaan Allah ﷻ dan mensyukuri terhadap pemberian-Nya. Allah ﷻ telah menjanjikan ganjaran yang besar dan balasan yang melimpah buat hamba-hamba-Nya yang menginfakkan harta. Allah ﷻ berfirman:

﴿وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ وَأَعْظَمُ أَجْرًا﴾

“Apa jua kebaikan yang kalian kerjakan sebagai bekalan untuk diri kalian, tentulah kamu akan mendapat balasannya di sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya” [QS al-Muzammil: ayat 20]

Allah ﷻ juga berfirman:

﴿وَمَا أَنْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ﴾ ﴿٣٩﴾

“Apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi Rezeki.” [QS Saba’: ayat 39]

**Jauhilah –Moga Allah ﷻ merahmati kalian– daripada setiap perkara yang mengurangkan kualiti puasa,** mengikis pahala dan segala maksiat yang dimurkai Allah ﷻ seperti riba’, zina, mencuri, menumpahkan darah tanpa hak, memakan harta anak-anak yatim, pelbagai jenis kezaliman pada diri, harta dan kehormatan, menipu dalam perniagaan, mengkhianati amanah, menderhakai ibu bapa, memutuskan hubungan silaturrahim, dendam, memutuskan hubungan bukan kerana hak Allah ﷻ, meminum arak serta segala jenis ketagihan seperti

<sup>25</sup> Direkodkan oleh al-Bukhārī dan Muslim dalam al-Ṣaḥīḥayn.

pokok al-Qat (cerutu penduduk Yaman) dan rokok, mengumpat, mengadu domba, menipu, penyaksian yang dusta, dakwaan yang palsu, sumpahan yang tidak benar, mencukur janggut dan memendekkannya, memanjangkan misai<sup>26</sup>, takabbur, melabuhkan pakaian ke bawah buku lali, mendengar lagu dan instrumental alat muzik, bertabarruj<sup>27</sup> bagi perempuan, tidak menutupi diri daripada lelaki, menyerupai wanita-wanita kafir pada pakaian yang singkat dan segala perkara yang dilarang oleh Allah ﷻ dan Rasul-Nya ﷺ selain daripada yang telah disebutkan.

Maksiat-maksiat yang telah kami sebutkan ini adalah **haram** pada setiap masa dan tempat, akan tetapi pengharamannya lebih dahsyat pada bulan Ramadan dan dosanya lebih besar kerana kemuliaan dan kehormatan waktu tersebut.

**Bertakwalah duhai umat Islam dan hindarilah perkara yang dilarang oleh Allah ﷻ dan Rasul-Nya ﷺ.** Beristiqamahlah dalam melakukan ketaatan pada bulan Ramadan dan pada bulan-bulan yang lain dan saling memperingatkan sesama kalian serta saling tolong-menolong dalam perkara tersebut, saling melakukan amar makruf nahi munkar; agar kalian mencapai kemuliaan, kebahagiaan, kehormatan dan keselamatan di dunia dan akhirat.

Kepada Allah ﷻ jua kita memohon agar Dia menjaga kami, kalian dan umat Islam daripada perkara-perkara yang mengundang kemurkaan-Nya, juga

<sup>26</sup> Memelihara janggut dan mencukur misai adalah kewajiban buat lelaki. Daripada Ibn ‘Umar – *Raḍiyallahu ‘anhumā*–, daripada Nabi ﷺ berkata:

خَالِفُوا الْمُشْرِكِينَ وَفَرُّوا اللَّحْيَ وَأَحْفُوا الشُّوَارِبَ

"Berselisihlah dengan golongan musyrikin, panjangkanlah janggut dan nipiskanlah misai." HR. al-Bukhārī.

<sup>27</sup> Iaitu memperlihatkan kecantikan dan perhiasan kepada ajnabi. Para ulama menafsirkan bahawa tabarruj adalah menunjukkan perhiasannya yang ada pada tubuhnya seperti rambut, dada, tangan, kaki dan lain-lain. Pendapat yang sahih mengatakan bahawa muka juga termasuk dalam perhiasan kerana kecantikan seseorang perempuan terletak pada wajahnya. Golongan wanita perlu menjauhi tabarruj dan perlu menutupi dirinya daripada dilihat oleh lelaki kerana ia adalah faktor keselamatan bagi mereka.

Allah ﷻ berfirman:

وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَاعًا فَسْأَلُوهُنَّ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ ذَلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ

"Jika kalian ingin meminta sesuatu perkara yang harus daripada mereka (isteri-isteri Nabi saw), maka mintalah menerusi sebalik hijab, kerana itu lebih suci buat hati kalian dan hati mereka." [QS al-Aḥzāb: ayat 53]

Maka ayat ini menunjukkan bahawa hijab itu lebih suci dan selamat buat hati manusia.

menerima kesemua ibadah puasa dan qiyam kita, memperelokkan para pemerintah yang menguruskan urusan umat Islam, membantu agama-Nya dan menewaskan musuh-musuh-Nya menerusi mereka, dan memberikan tawfik kepada semua orang untuk memahami agama, teguh di atas jalannya, mengambil hukum dan berhukum dengannya pada setiap perkara, sesungguhnya Dia Maha berkuasa atas segala sesuatu.

Moga Allah ﷻ melimpahkan selawat, salam dan keberkatan buat hamba dan Rasul-Nya Nabi Muhammad ﷺ serta ahli keluarga baginda, sahabatnya serta mereka yang berjalan di atas manhajnya sehingga ke hari pembalasan.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**-TAMAT-** <sup>28</sup>

---

<sup>28</sup> Nota penerbit: Terjemahan ini merupakan hasil usaha alih bahasa oleh penterjemah secara umumnya meskipun ia telah melalui beberapa semakan, andai kata terdapat apa-apa kesalahan di dalam karya terjemahan ini maka pihak penerbit memohon seribu kemaafan dan kami juga menarik semula mana-mana perkara yang tersilap itu samada ketika masih hidup mahupun setelah mati, serta bersedia menerima apa-apa sahaja kritikan dan teguran. *Wallahua 'lam.*